

From: Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah
Sent: Sunday, 20 August, 2017 2:10 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MENYUSURI DENAI SINTOK BERTEMANKAN FLORA DAN FAUNA



PUSAT PENGAJIAN
BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH
SCHOOL OF LANGUAGES, CIVILISATION & PHILOSOPHY
Universiti Utara Malaysia

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia



SLCP ONLINE: MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA! Laungan bersemangat memecah keheningan pagi berbekalkan keazaman membara, warga SLCP mengorak langkah berganding bahu menjayakan misi Jejak Warisan Sintok. Program ini diadakan sempena bulan kemerdekaan untuk menyemai semangat patriotisme dan cinta akan negara. Seramai 43 orang peserta telah menjayakan program ini pada 10hb Ogos 2017 bertempat di Hutan Sintok, Universiti Utara Malaysia. Program ini telah dirasmikan oleh Dekan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Prof. Madya Dr. Kamarudin Bin Ahmad. Turut hadir ialah Pengerusi Kelab Kebajikan dan Rekreasi, Dr. Mohamed Ali Haniffa. Trek laluan bermula di pokok 3 beradik dan berakhir di tasik. Perjalanan memakan masa selama 3 jam.

Seawal jam 7.30 pagi para peserta telah berkumpul di pokok 3 beradik untuk melakukan senaman ringan dan para peserta juga telah dibekalkan dengan makanan dan bendera. Taklimat ringkas telah dilakukan oleh pengarah program, Saudara Muhammad Fadhli Bin Mohd Diah. Kemudian, para peserta telah dibahagikan kepada lapan (8) kumpulan untuk memudahkan perjalanan. Seorang penunjuk arah yang berpengalaman dalam selok belok hutan Sintok dari Jabatan Keselamatan iaitu Encik Ahmad Soffeyan Bin Ayob telah turut serta bagi melancarkan program tersebut. Selain itu, program ini juga menarik perhatian Pengurus Unic Astana Holidays Sdn Bhd iaitu Encik Anas untuk menyertai program ini. Keadaan cuaca yang baik dan semangat luar biasa para peserta mengharungi cabaran dan rintangan sepanjang program ini berlangsung telah memberikan kenangan terindah yang pasti tidak akan dapat dilupakan.

Semangat setiakawan yang ditunjukkan oleh semua peserta semasa mendaki dan menuruni hutan Sintok amat dikagumi. Sepanjang perjalanan bertemankan pacat, tanpa mengira pangkat dan penat, semua peserta telah berganding bahu ibarat kata pepatah, yang berat sama dipikul yang ringan sama dijinjing. Program ini dilihat dapat mengeratkan lagi silaturrahim antara para peserta dan secara tidak langsung laungan kemerdekaan yang berkumandang sepanjang perjalanan menaikkan semangat para peserta untuk terus berjuang dan berbakti demi negaraku Malaysia yang tercinta.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

PUSAT PENGAJIAN BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH (SLCP)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL: 049285701/5703/5706/5584
FAKS: 049285709/5616



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti

Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.